

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang (JKSNPP) ditubuhkan berdasarkan seksyen 42(1), (2) dan (3) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993. Penubuhannya mula berkuatkuasa pada 1 Jun 1994 mengikut Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang Jld. 40 Nombor 8 yang bertarikh 11 April 1996.



Sejak ditubuhkan hingga 2 Januari 1997 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang ditadbir bersama dengan Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JAIPP). Mulai 1 Januari 1997 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang telah diasingkan daripada Pengurusan JAIPP dan mempunyai pentadbirannya sendiri di No.3 Jalan Batu Gantung yang diketuai oleh Ketua Hakim Syarie Negeri Pulau Pinang.

HUBUNGI KAMI

No 3, Jalan Batu Gantung,
10450 Georgetown,
Pulau Pinang.
No Telefon : 04-830 7777
No Faks : 04-830 7860

PROFIL JKSNPP

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG

No 3, Jalan Batu Gantung,
10450 Georgetown,
Pulau Pinang.
No Telefon : 04-830 7777
No Faks : 04-830 7860



VISI

Menjadi Institusi Kehakiman Yang Berwibawa

MISI

Melaksanakan perbicaraan, pengurusan mahkamah dan perkhidmatan sokongan secara profesional, berkesan dan sistematik berasaskan undang - undang dan hukum syarak.

OBJEKTIF

- Menyediakan dan melaksanakan pengurusan dan pengadilan kes-kes syariah berdasarkan Hukum Syarak dan Undang-undang secara cekap dan berkesan;
- Menyediakan pengurusan pentadbiran yang cekap dan berkualiti bagi memuaskan hati pelanggan;
- Menyediakan latihan untuk mempertingkatkan kemahiran pegawai dan kakitangan;
- Menyediakan kemudahan penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dalam pentadbiran; dan
- Menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang terbaik dan mencukupi.

DASAR KUALITI

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang komited untuk melaksanakan pengurusan dan pengadilan kes-kes syariah berasaskan hukum Syarak dan undang-undang secara profesional, adil, cekap dan berkesan. Pelaksanaan sistem pengurusan kualiti akan sentiasa ditambahbaik sebagai landasan ke arah sebuah institusi kehakiman syariah yang berwibawa.

PUNCA KUASA

- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004;
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004;
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996;
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004;
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004; dan
- Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004.

FUNGSI – FUNGSI UTAMA

- Menguruskan permohonan pendaftarab kes—kes Syariah iaitu kes mal, jenayah dan faraid;
- Menguruskan perbicaraan kes—kes mal, jenayah dan faraid;
- Menguruskan perintah - perintah mahkamah;
- Menguruskan kes-kes rayuan syariah secara teratur dan berkesan;
- Menguruskan permohonan pembahagian harta pusaka dan pengeluaran Perintah Faraid;
- Menguruskan kes - kes Sulh melalui suatu majlis perbincangan terpimpin;
- Menguruskan kes-kes penguatkuasaan Perintah nafkah isteri dan anak melalui pelaksanaan BSK
- Menjalankan urusan pentadbiran Mahkamah termasuk perkhidmatan kakitangan;
- Membangunkan sumber manusia yang terlatih dan mencukupi; dan
- Membuat perancangan dan pelaksanaan terhadap pembangunan serta keperluan mahkamah.

